

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE-EMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTAJAM)**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan senarai syarikat penghantaran yang sedang beroperasi dalam negara dan bilangan pekerja setiap syarikat mengikut pecahan pekerja penghantaran dan pengurusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan pada masa ini tiada mempunyai data ke atas jumlah sebenar bilangan syarikat dan pekerja penghantar melibatkan perkhidmatan p-hailing. Perkara ini adalah kerana perkhidmatan ini belum dikawal selia sepenuhnya oleh pihak Kementerian Pengangkutan. Namun berdasarkan anggaran kasar, dijangka sejumlah lebih 130 ribu individu terlibat dalam pekerjaan terbabit diseluruh negara.

Walaupun bagaimanapun, pada masa ini terdapat perkhidmatan penghantaran yang telah dikawalselia di bawah Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) [Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715]] atau Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Negeri Sabah dan Negeri Sarawak (Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 [Akta 334]) iaitu Lesen Pengendali Perkhidmatan Kenderaan Barangan dan Lesen Kenderaan Barangan di bawah skop dasar pelesenan sedia ada yang melibatkan kategori Lesen Kenderaan Barangan Lori Pembawa A atau Lori Pembawa C.

Selain daripada itu perkhidmatan *de-controlled* juga merupakan salah satu perkhidmatan penghantaran yang dikawalselia di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan, Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333]. Perkhidmatan ini hanya dibenarkan untuk membawa barangan milik perniagaan pemilik kenderaan barangan tersebut sahaja dengan BDM 7,500 kilogram ke bawah.

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) turut melesenkan perniagaan syarikat yang menjalankan perkhidmatan pos di bawah Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Pos (Pelesenan) 2015, Akta Perkhidmatan Pos 2012 [Akta 741] hanya melibatkan barang pos seperti surat, bungkus-ikat, bungkusan, pembalut atau kontena yang dikutip/diserahkan menerusi rangkaian pos. Barang pos tersebut adalah dua (2) kilogram ke bawah sahaja.